



20 September 2022
20 September 2022
P.U. (A) 297

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(CAJ PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN) 2022

*WATER SERVICES INDUSTRY
(SEWERAGE SERVICES CHARGES) REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(CAJ PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 84(1), seksyen 85 dan perenggan 179(i) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Caj Perkhidmatan Pembedungan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2022.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“nilai tahunan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];

“pekerja” ertinya mana-mana orang yang bekerja dalam atau berpangkalan di sesuatu premis perindustrian dan termasuklah kontraktor, perunding, ejen atau wakil pemilik atau penghuni premis itu;

“perkhidmatan bersambung” ertinya pengumpulan, pengangkutan, rawatan dan pelupusan kumbahan dan enap cemar kumbahan yang diterima melalui paip sambungan persendirian yang bersambung ke sistem pembedungan awam atau mana-mana bahagian daripada sistem pembedungan awam itu;

“perkhidmatan nyahenap cemar” ertinya penyaliran keluar, penyingkiran dan pengangkutan kumbahan dan enap cemar kumbahan dari tangki septik untuk rawatan dan pelupusan sewajarnya;

“premis domestik” ertinya mana-mana premis yang digunakan secara eksklusif untuk kediaman manusia dan tidak termasuk premis yang sebahagiannya digunakan untuk aktiviti perindustrian atau komersial;

“premis Kerajaan” ertinya mana-mana premis yang diduduki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan suatu Negeri, suatu pihak berkuasa tempatan, suatu badan berkanun yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau Negeri, suatu mahkamah atau tribunal;

“premis komersial” ertinya mana-mana premis yang digunakan sepenuhnya atau sebahagiannya untuk perdagangan, perniagaan, penyediaan perkhidmatan atau kemudahan, sama ada untuk keuntungan atau sebaliknya;

“premis perindustrian” ertinya mana-mana premis yang digunakan sepenuhnya atau sebahagiannya untuk aktiviti perindustrian yang termasuk pembuatan, pemrosesan atau pemasangan barangan atau bahan;

“rumah kediaman estet” ertinya mana-mana premis domestik yang terletak di atas tanah yang dikhaskan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan bagi maksud pertanian di bawah Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] termasuklah tanah sedemikian yang digunakan bagi maksud penanaman apa-apa tanaman termasuk pokok yang ditanam bagi mendapatkan hasilnya, berkebun sayur, penternakan dan penyimpanan lebah madu, ternakan dan reptilia dan akuakultur;

“rumah kediaman kampung” ertinya mana-mana premis domestik yang terletak di atas tanah yang diisytiharkan sebagai suatu kampung oleh Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan, atau disifatkan sebagai kampung yang ditubuhkan di bawah Kanun Tanah Negara;

“rumah kediaman kampung baru” ertinya mana-mana premis domestik yang terletak di atas tanah yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan sebagai suatu ‘kampung baru’;

“rumah kos rendah” ertinya mana-mana premis domestik yang diklasifikasikan oleh pihak berkuasa tempatan atau Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan sebagai suatu ‘rumah kos rendah’;

“tangki septik yang tidak diluluskan” ertinya mana-mana tangki septik yang dibina atau dipasang tidak mengikut pelan atau spesifikasi yang diluluskan di bawah Akta atau Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 [*Akta 508*].

Caj perkhidmatan pembetungan

3. Caj perkhidmatan pembetungan sama ada perkhidmatan bersambung atau perkhidmatan nyahenap cemar yang kena dibayar bagi—

- (a) premis domestik hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama;
- (b) premis komersial hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua;
- (c) premis Kerajaan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga; dan
- (d) premis perindustrian hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

Penentuan air yang digunakan

4. (1) Jika perincian jumlah air yang digunakan di mana-mana premis komersial atau Kerajaan yang disediakan dengan perkhidmatan pembetungan tidak dapat diperoleh pada masa bil bagi caj perkhidmatan pembetungan dikeluarkan oleh pemegang lesen perkhidmatan, jumlah air yang digunakan bagi tempoh pengebilan itu hendaklah dianggarkan dengan merujuk purata jumlah air bulanan yang digunakan di premis itu dalam masa dua belas bulan sebelumnya.

(2) Pemegang lesen perkhidmatan hendaklah membuat penyesuaian kepada pengebilan yang dibuat di bawah subperaturan (1) apabila pemegang lesen perkhidmatan menerima—

(a) daripada pemegang lesen pengagihan air, data sebenar penggunaan air di premis itu; atau

(b) daripada pemilik atau penghuni premis itu, bil bekalan air yang dikeluarkan oleh pemegang lesen pengagihan air bagi tempoh pengebilan itu.

(3) Suatu pernyataan bertulis yang diperakui dengan sewajarnya oleh pemegang lesen pengagihan air atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen pengagihan air itu yang menentukan jumlah air yang dibekalkan ke premis komersial atau Kerajaan bagi apa-apa tempoh pengebilan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai jumlah air yang digunakan di premis itu bagi tempoh yang sama.

Caj minimum bagi perkhidmatan bersambung

5. (1) Pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni sesuatu premis yang menerima perkhidmatan bersambung hendaklah memaklumkan pemegang lesen perkhidmatan jika premis itu kosong dan tempoh premis itu akan kosong mengikut bentuk dan cara yang dikehendaki oleh pemegang lesen perkhidmatan.

(2) Apabila pemegang lesen perkhidmatan mengesahkan bahawa premis itu kosong, pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni premis yang menerima perkhidmatan bersambung hendaklah membayar caj minimum bagi kategori premis yang berkaitan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kelima bagi tempoh premis itu kosong.

Caj perkhidmatan nyahenap cemar

6. (1) Pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni sesuatu premis yang menerima perkhidmatan nyahenap cemar selepas permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini dan dicaj bagi perkhidmatan yang diberikan hendaklah membayar caj perkhidmatan nyahenap cemar itu sekali gus melainkan jika pemegang lesen perkhidmatan itu membenarkan pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni premis itu untuk membayar caj secara ansuran bagi suatu tempoh yang dipersetujui oleh pemegang lesen perkhidmatan.

(2) Caj perkhidmatan nyahenap cemar bagi mana-mana perkhidmatan nyahenap cemar berulang atau tambahan yang dibuat atas permintaan pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni sesuatu premis melebihi kekerapan yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perkhidmatan Nyahenap Cemar) 2021 [*P.U. (A) 140/2021*] hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keenam.

Caj pembatalan perkhidmatan nyahenap cemar

7. (1) Pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni sesuatu premis hendaklah membayar caj pembatalan perkhidmatan nyahenap cemar selepas suatu notis bertulis dikeluarkan oleh pemegang lesen perkhidmatan di bawah Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perkhidmatan Nyahenap Cemar) 2021 jika—

- (a) pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni premis itu gagal memberikan akses yang mencukupi kepada tangki septik bagi maksud membolehkan tangki septik itu dinyahenap cemar;
- (b) pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni premis itu enggan membenarkan perkhidmatan nyahenap cemar yang telah dijadualkan dijalankan; atau
- (c) pemegang lesen perkhidmatan itu mendapati bahawa tangki septik itu kosong apabila diperiksa.

(2) Caj pembatalan perkhidmatan nyahenap cemar yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketujuh.

Pengecualian

8. Mana-mana premis yang digunakan secara eksklusif sebagai suatu tempat bagi maksud keagamaan atau kebajikan dan diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah dikecualikan daripada membayar caj perkhidmatan pemetungan.

Notis pemindahmilikan premis

9. (1) Mana-mana orang yang menjual atau memindah milik mana-mana premis yang dikenakan dengannya caj perkhidmatan pemetungan telah dilakukan bagi perkhidmatan pemetungan yang diberikan oleh pemegang lesen perkhidmatan, hendaklah terus bertanggung bagi pembayaran semua caj perkhidmatan pemetungan yang kena dibayar berkenaan dengan premis itu melainkan jika notis telah diberikan terlebih dahulu kepada pemegang lesen perkhidmatan berhubung dengan penjualan atau pemindahmilikan itu.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini boleh menyentuh kebertanggungan pembeli atau penerima pindahan untuk membayar caj perkhidmatan pemetungan berkenaan dengan premis yang disebut dalam subperaturan (1) atau menyentuh hak pemegang lesen perkhidmatan untuk mendapatkan kembali caj perkhidmatan pemetungan itu daripada pembeli atau penerima pindahan itu.

Pembatalan

10. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pemetungan (Caj) 1994 [*P.U. (A) 115/1994*] dan Perintah Industri Perkhidmatan Air (Ubah Suaian Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pemetungan (Caj) 1994) 2018 [*P.U. (A) 46/2018*] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[Perenggan 3(a)]

CAJ PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN BAGI PREMIS DOMESTIK

(1) <i>Butiran</i>	(2) <i>Kategori</i>	(3) <i>Perkhidmatan bersambung</i>		(4) <i>Perkhidmatan nyahenap cemar</i>	
		<i>Caj (RM/bagi setiap bulan)</i>		<i>Caj (RM)</i>	
1.	Rumah kos rendah atau apa-apa rumah dengan nilai tahunan kurang daripada RM600.00 (termasuklah kuarters Kerajaan kategori F, G, H dan I sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan)	Berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2023	2.00	Berkuat kuasa sehingga 30 September 2022	2.00 bagi setiap bulan
		Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024	4.00	Berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	192.00 bagi setiap perkhidmatan
2.	Rumah kediaman kampung, rumah kediaman kampung baru dan rumah kediaman estet	Berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2023	3.00	Berkuat kuasa sehingga 30 September 2022	3.00 bagi setiap bulan
		Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024	5.00	Berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	192.00 bagi setiap perkhidmatan
3.	Premis domestik selain yang dinyatakan dalam butiran (1), (2) dan (4)	Berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2022	8.00	Berkuat kuasa sehingga 30 September 2022	6.00 bagi setiap bulan
		Berkuat kuasa dari 1 Januari 2023	10.00		
		Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024	12.00	Berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	192.00 bagi setiap perkhidmatan
		Berkuat kuasa dari 1 Januari 2026	15.00		

(1) <i>Butiran</i>	(2) <i>Kategori</i>	(3)	(4)	
		<i>Perkhidmatan bersambung</i>	<i>Perkhidmatan nyahenap cemar</i>	
		<i>Caj (RM/bagi setiap bulan)</i>	<i>Caj (RM)</i>	
4.	Premis domestik dengan tangki septik yang tidak diluluskan	-	Bagi saiz tangki < 2.5m ³ berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	260.00
			Bagi saiz tangki > 2.5m ³ sehingga 4.5m ³ berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	390.00
			Bagi saiz tangki > 4.5 m ³ berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	390.00 + (130.00 bagi tiap-tiap penambahan m ³ saiz tangki)

JADUAL KEDUA

[Perenggan 3(b)]

CAJ PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN BAGI PREMIS KOMERSIAL

(1) <i>Butiran</i>	(2) <i>Nilai tahunan minimum (RM)</i>	(3) <i>Nilai tahunan maksimum (RM)</i>	(4)	(5)
			<i>Perkhidmatan bersambung</i>	<i>Perkhidmatan nyahenap cemar</i>
			<i>Caj (RM/bagi setiap bulan)</i>	<i>Caj (RM/bagi setiap bulan)</i>
1.	0	2,000	8.00	7.00
2.	2,001	5,000	14.00	8.00
3.	5,001	10,000	20.00	14.00
4.	10,001	20,000	26.00	19.00
5.	20,001	30,000	29.00	21.00
6.	30,001	40,000	32.00	23.00
7.	40,001	50,000	35.00	25.00
8.	50,001	60,000	38.00	27.00
9.	60,001	70,000	41.00	29.00
10.	70,001	80,000	44.00	31.00
11.	80,001	90,000	47.00	33.00
12.	90,001	100,000	50.00	35.00
13.	100,001	200,000	180.00	120.00
14.	200,001	400,000	495.00	330.00
15.	400,001	600,000	522.00	348.00
16.	600,001	800,000	1,980.00	1,320.00

(1) <i>Butiran</i>	(2) <i>Nilai tahunan minimum (RM)</i>	(3) <i>Nilai tahunan maksimum (RM)</i>	(4)	(5)
			<i>Perkhidmatan bersambung</i>	<i>Perkhidmatan nyahenap cemar</i>
			<i>Caj (RM/bagi setiap bulan)</i>	<i>Caj (RM/bagi setiap bulan)</i>
17.	800,001	1,000,000	2,160.00	1,440.00
18.	1,000,001	3,000,000	4,320.00	2,880.00
19.	3,000,001	5,000,000	8,880.00	5,400.00
20.	5,000,001	7,000,000	9,200.00	6,000.00
21.	7,000,001	ke atas	9,600.00	6,600.00
Bagi air yang digunakan dari 101m ³ - 200m ³ sebulan, caj tambahan akan dikenakan			30 sen bagi tiap-tiap m ³	
Bagi air yang digunakan melebihi 200m ³ sebulan, caj tambahan akan dikenakan			45 sen bagi tiap-tiap m ³	

Nota: Bagi premis tanpa nilai tahunan, caj berdasarkan nilai tahunan minimum RM0.00 sehingga nilai tahunan maksimum RM2,000.00 akan dikenakan.

JADUAL KETIGA

[Perenggan 3(c)]

CAJ PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN BAGI PREMIS KERAJAAN

(1) <i>Kategori</i>	(2) <i>Perkhidmatan bersambung</i>	(3) <i>Perkhidmatan nyahenap cemar</i>
	<i>Caj (RM/bagi setiap bulan)</i>	<i>Caj (RM/bagi setiap bulan)</i>
Premis Kerajaan	40.00	25.00
Bagi air yang digunakan dari 101m ³ - 200m ³ sebulan, caj tambahan akan dikenakan	RM0.45 bagi tiap-tiap m ³	
Bagi air yang digunakan melebihi 200m ³ sebulan, caj tambahan akan dikenakan	RM0.95 bagi tiap-tiap m ³	

JADUAL KEEMPAT

[Perenggan 3(d)]

CAJ PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN BAGI PREMIS PERINDUSTRIAN

(1) <i>Kategori</i>	(2) <i>Perkhidmatan bersambung</i>	(3) <i>Perkhidmatan nyahenap cemar</i>
	<i>Caj (bagi setiap pekerja) (RM/bagi setiap bulan)</i>	<i>Caj (bagi setiap pekerja) (RM/bagi setiap bulan)</i>
Premis perindustrian	2.50	2.00

JADUAL KELIMA

[Subperaturan 5(2)]

CAJ MINIMUM BAGI PERKHIDMATAN BERSAMBUNG

(1) <i>Butiran</i>	(2) <i>Kategori</i>	(3) <i>Caj minimum (RM)</i>
1.	Premis domestik berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022 (i) Rumah kos rendah atau mana-mana rumah dengan nilai tahunan kurang daripada RM600.00 (ii) Rumah kediaman kampung, rumah kediaman kampung baru dan rumah kediaman estet (iii) Premis domestik selain yang dinyatakan dalam butiran (i) dan (ii)	50% daripada kadar caj semasa

(1) <i>Butiran</i>	(2) <i>Kategori</i>		(3) <i>Caj minimum (RM)</i>
2.	Kwarters Kerajaan berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	(i) Kategori F, G, H dan I sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan (ii) Kategori A, B, C, D dan E sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan	50% daripada kadar caj semasa
3.	Premis komersial berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	(i) Nilai tahunan RM0 hingga RM2,000.00 (ii) Nilai tahunan melebihi RM2,000.00	50% daripada kadar caj semasa 8.00
4.	Premis perindustrian berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022		8.00
5.	Premis Kerajaan berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022		8.00

JADUAL KEENAM

[Subperaturan 6(2)]

CAJ PERKHIDMATAN NYAHENAP CEMAR BERULANG ATAU TAMBAHAN

(1) <i>Butiran</i>	(2) <i>Caj (RM/bagi setiap perkhidmatan)</i>
Caj perkhidmatan nyahenap cemar berulang atau tambahan berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	192.00

JADUAL KETUJUH

[Subperaturan 7(2)]

CAJ PEMBATALAN PERKHIDMATAN NYAHENAP CEMAR

(1) <i>Butiran</i>	(2) <i>Caj (RM/bagi setiap perjalanan)</i>
Caj pembatalan perkhidmatan nyahenap cemar berkuat kuasa dari 1 Oktober 2022	80.00

Dibuat 14 September 2022

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1 KLT.5(13); PN(PU2)660/JLD.17]

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN
Menteri Alam Sekitar dan Air